



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 4 JULAI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM SALUR LEBIH RM100 JUTA GERAN AGROPRENEUR MUDA SEJAK 2016, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PERKEMBANGAN TEKNOLOGI TARIK GENERASI MUDA MINAT PERTANIAN, HM -ONLINE	
3.	PESERTA GAM BERJAYA TINGKAT PENDAPATAN SEHINGGA RM5,000, SH -ONLINE	
4.	BERAS DIJUAL DALAM TALIAN DISYAKI DIPEROLEH DARI SUMBER TAK SAH, BULETIN TV3 -ONLINE	
5.	94 IKLAN PENJUALAN BERAS DALAM TALIAN DITURUNKAN SEHINGGA 31 MEI -KPKM, ASTRO AWANI -ONLINE	
6.	HENTI JUAL BERAS SELUDUP, TANPA LESEN GUNA e-DAGANG, NASIONAL, SH -20	
7.	94 IKLAN JUAL BERAS SELUDUP, TANPA LESEN DALAM TALIAN DITURUNKAN, NASIONAL, BH -18	
8.	94 IKLAN BERAS DALAN ONLINE DITURUNKAN, NEGARA, KOSMO -16	
9.	'SUPER SIAM' AUTA, MUKA DEPAN, HM -1	
10.	94 IKLAN TIADA LESEN RUNCIT, LOKAL, HM -2	
11.	HARGA 'RUNTUH' DAKWA KONONNYA BERAS IMPORT SIAM, LOKAL, HM -2	
12.	94 IKLAN JUAL BERAS DALAM TALIAN DITURUNKAN, DISYAKI BERAS SELUDUP, DALAM NEGERI, UM -31	
13.	764 USAHAWAN TANI PEROLEH PENDAPATAN RM5,000 SEBULAN, DALAM NEGERI, UM -31	
14.	'GELAGAT KAMBING, LEMBU HIBURKAN SAYA', DALAM NEGERI, UM -36	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
15.	BOT GUNA KRU WARGA ASING DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
16.	BOT TEMPATAN GUNA KHIDMAT NELAYAN MYANMAR DITAHAN APMM, NEGARA, KOSMO -18	
17.	PESAWAH DAERAH KERIAN GELISAH SAWAH KERING, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN
18.	SABAH INITIATES MEASURES TO MITIGATE FLOOD IMPACT, NATIONAL, THE SUN -4	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2024	BERNAMA	ONLINE	

KPKM SALUR LEBIH RM100 JUTA GERAN AGROPRENEUR MUDA SEJAK 2016

03/07/2024 03:41 PM



Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Lokman Hakim Ali (tengah) bergambar bersama penerima Geran Agropreneur Muda pada Program Pemadanan Belia Tani Bersama Industri Subsektor Agro Makanan Jabatan Pertanian di Seremban.

SEREMBAN, 3 Julai (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memperuntukkan RM174.16 juta bagi memperkasakan golongan belia dalam sektor agromakanan melalui bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) sejak 2016 sehingga kini.

Ketua Setiausaha KPKM Datuk Lokman Hakim Ali berkata seramai 9,529 penerima di seluruh negara menerima manfaat daripada peruntukan itu merangkumi bantuan barangan seperti input dan peralatan pertanian serta infrastruktur ladang dengan nilai RM20,000 per individu.

"Peruntukan ini meliputi pengeluaran tanaman, perikanan dan ternakan. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) sehingga suku pertama tahun ini, 41 peratus iaitu 764 usahawan muda berjaya mencatatkan peningkatan pendapatan RM2,000 hingga RM5,000 sebulan.

"Manakala, 71 usahawan berhasil mengembangkan perniagaan mereka ke pasaran nasional, iaitu pemasaran produk sekurang-kurangnya tiga negeri," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis penutup Program Pemadanan Belia Tani bersama Industri Subsektor Agromakanan Jabatan Pertanian 2024 di sini hari ini yang turut dihadiri Ketua Pengarah Pertanian Datuk Nor Sam Aliwi.

Bagi program hari ini, Lokman turut menyampaikan peruntukan berjumlah RM1.42 juta GAM kepada 71 agropreneur muda di bawah bimbingan Jabatan Pertanian bagi fasa satu dan dua tahun ini.

"Melalui geran ini, usahawan boleh memilih untuk digunakan dalam industri asas tani, contohnya memproses makanan atau aktiviti huluhan iaitu menguruskan tanaman atau ternakan, kalau dapat membuat dalam pelbagai rangkaian, jadi pendapatan lebih meningkat," katanya.

Lokman berkata GAM merupakan pemangkin kepada ramai usahawan muda dan turut bercadang meningkatkan had siling GAM Start-Up sehingga RM30,000 serta mewujudkan GAM Scale-Up dengan nilai maksimum RM50,000.

Menurut beliau, GAM Scale-Up ini terbuka kepada penerima geran start-up yang berjaya mengembangkan perusahaan selari dengan tempoh masa projek dan mempunyai potensi untuk ke tahap yang seterusnya.

"Saya lihat minat golongan muda dalam bidang pertanian semakin meluas, dengan dunia teknologi masa kini, mereka perlu rajin menerokai pelbagai ilmu pertanian dan meningkatkan pengetahuan. Saya percaya, kalau kita 'turun padang', ramai usahawan petani muda ini sudah bergelar jutawan," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Perkembangan teknologi tarik generasi muda minat pertanian



Lokman Hakim (tiga dari kiri) menyampaikan replika cek Geran Agropreneur Muda kepada penerima pada Program Pemadanan Bella Tani Bersama Industri Subsektor Agromakanan Jabatan Pertanian Tahun 2024. FOTO AZRUL EDHAM

Seremban: Kira-kira 41 peratus peserta bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) di bawah Kementerian Pertanian dan

Keterjaminan Makanan (KPKM) berjaya meningkatkan pendapatan mereka antara RM2,000 hingga RM5,000 sebulan.

Ketua Setiausaha KPKM Datuk Lokman Hakim Ali berkata, ia membabitkan seramai 764 usahawan tani bagi tempoh Rancangan Malaysia ke-12 sehingga suku pertama tahun ini.

"Apabila kita bantu melalui geran ini, mereka dapat meningkatkan hasil produktiviti dan ia secara tidak langsung meningkatkan pendapatan mereka.

"Apabila pendapatan meningkat, ia melayakkan lagi untuk membuat pinjaman dengan kadar faedah lebih rendah dan membolehkan mereka terus mengembangkan perniagaan melalui pelbagai bentuk kemudahan disediakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penutup Program Pemadanan Bella Tani bersama Industri Subsektor Agromakanan Jabatan Pertanian 2024, di sini, hari ini.

Menurutnya, KPKM memperuntukkan RM174.16 juta untuk memperkasakan golongan belia dalam sektor agromakanan menerusi bantuan GAM yang memberi manfaat kepada 9,529 penerima sejak 2016.

"Peruntukan GAM yang disalurkan kepada semua jabatan dan agensi di bawah kementerian ini merangkumi bantuan barangan seperti input dan peralatan pertanian serta infrastruktur ladang dengan nilai RM20,000 per individu meliputi pengeluaran tanaman, perikanan dan ternakan," katanya.

JKatanya, pelaksanaan GAM penting untuk menggalakkan belia menceburi bidang pertanian dan meningkatkan pengeluaran hasil tani dalam negara sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap produk import.

"Sudah ramai golongan muda terbabit dalam bidang pertanian, malah ada dalam kalangan mereka sudah bergelar jutawan.

"Minat orang muda dalam pertanian terbuka luas, berbanding 10 ke 15 tahun lepas, tiada teknologi.

"Dahulu tiada maklumat, risiko terlalu tinggi jika tiada ilmu. Sekarang ada ilmu atas talian dengan risiko dapat dikurangkan dan lebih banyak kejayaan dicapai," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Peserta GAM berjaya tingkat pendapatan sehingga RM5,000



Lokman (tengah) beramah mesra dengan penerima Geran Agropreneur Muda.

SEREMBAN - Sebanyak 41 peratus peserta bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berjaya meningkatkan pendapatan mereka antara RM2,000 hingga RM5,000 sebulan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali berkata, ia membabitkan seramai 764 usahawan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 sehingga suku pertama tahun ini.



Lokman

"Bila kita bantu melalui geran ini, mereka dapat meningkatkan hasil produktiviti dan ia secara tidak langsung telah meningkatkan pendapatan mereka.

"Apabila pendapatan mereka meningkat, ia melayakkan lagi untuk membuat pinjaman dengan kadar faedah yang lebih rendah dan ia

membbolehkan mereka terus mengembangkan perniagaan melalui pelbagai bentuk kemudahan disediakan," katanya ditemui pemberita selepas Majlis Penutup Program Pemadanan Belia Tani bersama Industri Subsektor Agromakanan Jabatan di sebuah hotel di sini pada Rabu.

Menurutnya, dari tahun 2016 hingga Jun tahun ini, KPKM telah menyalurkan geran berjumlah RM174.16 juta kepada seramai 9,529 penerima di bawah bantuan GAM di seluruh negara.

Ujarnya, seramai 71 usahawan telah berjaya mengembangkan perniagaan daripada pasaran setempat ke pasaran nasional iaitu pemasaran produk ke sekurang-kurangnya tiga negeri.

"Bantuan di bawah geran berkenaan merangkumi barangan seperti input dan peralatan pertanian serta infrastruktur ladang dengan nilai RM20,000 setiap penerima.

"Ia meliputi pengeluaran tanaman, perikanan dan ternakan," katanya.

Dalam pada itu katanya, sudah ramai golongan muda yang terlibat dalam bidang pertanian, malah ada dalam kalangan mereka yang sudah bergelar jutawan.

Jelasnya, mereka sudah mula sedar akan peluang yang ada dalam bidang berkenaan namun mengharapkan teknologi baharu diperkenalkan.

"Kalau 10 ke 15 tahun lalu, mereka fikir susah nak ceburi pertanian ini kerana ilmu itu terbatas, tapi sekarang tidak lagi.

"Cumanya kita perlu meneroka lagi sumber teknologi dalam bidang pertanian ini yang dapat membantu nilai tambah produk," katanya.

Sementara itu, pada majlis berkenaan turut dilancarkan Buku Pakej Teknologi Cili Fertigasi terbitan Jabatan Pertanian.

Hadir sama, Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Nor Sam Alwi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2024	BULLETIN TV3	ONLINE	

Beras dijual dalam talian disyaki diperoleh dari sumber tak sah



PUTRAJAYA: Sebanyak 94 iklan berkaitan penjualan beras secara dalam talian telah diturunkan penyedia platform e-dagang bagi tempoh 1 Oktober 2023 hingga 31 Mei lalu.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan, semakan Kawalselia Padi dan Beras (KPB) mendapati

penjual beras tersebut tidak mempunyai lesen runcit yang dikeluarkan badan berkenaan.

Selain itu, semakan juga mengesan beras yang dijual dipercayai diperoleh dari sumber tidak sah.

“Padi dan beras adalah barang kawalan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan peraturan-peraturan di bawahnya.

“Sebarang urusan niaga melibatkan barang kawalan di peringkat kilang, borong dan runcit termasuk jualan secara dalam talian memerlukan lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah KPB,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut KPKM, ketiadaan lesen barang kawalan beras adalah kesalahan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996.

Di samping itu, beras yang dijual kepada pengguna dalam talian disyaki adalah beras yang dibawa masuk ke dalam negara tanpa mendapat kelulusan kerajaan.

Perbuatan tersebut adalah kesalahan di bawah Peraturan 10(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996.

Mengulas lanjut, KPKM berkata, penjual barang kawalan beras yang menggunakan platform e-dagang adalah terikat dengan perundangan yang berkuat kuasa iaitu Akta 522 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

“Justeru, pihak KPB sentiasa memantau aktiviti penjualan beras menggunakan platform dalam talian dengan kerjasama penyedia platform e-dagang berkenaan bagi membendung aktiviti berkenaan terus berleluasa,” katanya.

KPB turut mengingatkan peniaga mematuhi mana-mana perundangan yang sedang berkuat kuasa untuk penjualan secara dalam talian barangan kawalan padi dan beras.

Sekiranya didapati bersalah, pihak terlibat boleh didenda sehingga RM25,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000
No. Faks : 03-8888 6020
Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

**AMARAN KEPADA PENIAGA: JANGAN JUAL BERAS SELUDUP DAN
TANPA LESEN DI PLATFORM E-DAGANG**

PUTRAJAYA, 3 JULAI 2024 – Sebanyak 94 iklan berkaitan penjualan beras secara dalam talian telah diturunkan oleh penyedia platform e-dagang bagi tempoh 1 Oktober 2023 hingga 31 Mei 2024. Semakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) mendapati penjual beras secara dalam talian tersebut tidak mempunyai lesen runcit yang dikeluarkan oleh KPB dan beras yang dijual dipercayai diperoleh dari sumber tidak sah.

Padi dan beras adalah barang kawalan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan peraturan-peraturan di bawahnya. Sebarang urusan melibatkan barang kawalan di peringkat kilang, borong dan runcit termasuk jualan secara dalam talian memerlukan lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras. Ketiadaan lesen barang kawalan beras adalah kesalahan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996. Di samping itu, beras yang dijual kepada pengguna dalam talian disyaki adalah beras yang dibawa masuk ke dalam negara tanpa mendapat kelulusan Kerajaan. Perbuatan ini merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan 10(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996.

Penjual barang kawalan beras yang menggunakan platform e-dagang adalah terikat dengan perundangan yang berkuatkuasa iaitu Akta 522 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Justeru, pihak KPB sentiasa memantau aktiviti penjualan beras menggunakan platform dalam talian dengan kerjasama penyedia platform e-dagang berkenaan bagi membendung aktiviti berkenaan terus berleluasa.

KPB juga ingin mengingatkan kepada peniaga bahawa penjualan secara dalam talian barangan kawalan padi dan beras perlu mematuhi mana-mana perundangan yang

sedang berkuatkuasa. Sekiranya didapati bersalah, pihak terlibat boleh didenda sehingga RM25,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
3 JULAI 2024

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

94 iklan penjualan beras dalam talian diturunkan sehingga 31 Mei - KPKM

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam satu kenyataan pada Rabu memaklumkan hasil semakan, pihaknya turut mendapati beras yang dijual itu dipercayai diperolehi dari sumber tidak sah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

Henti jual beras seludup, tanpa lesen guna e-dagang

PUTRAJAYA - Peniaga diberi amaran agar tidak menjual beras seludup dan tanpa lesen di mana-mana platform e-dagang.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam satu kenyataan memaklumkan, sebanyak 94 iklan berkaitan penjualan beras secara dalam talian telah diturunkan oleh penyedia platform e-dagang bagi tempoh 1 Oktober 2023 hingga 31 Mei lalu.

"Padi dan beras adalah barang kawalan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan peraturan-peraturan di bawahnya," kata kenyataan itu pada Rabu.

Ujar kementerian itu, sebarang urusan niaga melibatkan barang kawalan di peringkat kilang, borong dan runcit termasuk jualan secara dalam talian memerlukan lesen dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

"Ketiadaan lesen barang kawalan beras adalah kesalahan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996," jelas KPKM.

Katanya, beras yang dijual kepada pengguna dalam talian disyaki beras yang dibawa masuk ke dalam negara tanpa mendapat kelulusan kerajaan.

"Perbuatan ini merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan 10(1)(a)

“

Beras yang dijual kepada pengguna dalam talian disyaki beras yang dibawa masuk ke dalam negara tanpa mendapat kelulusan kerajaan.”

peraturan sama,” tegasnya.

Tambah kementerian tersebut, penjualan barang kawalan beras yang menggunakan platform e-dagang adalah terikat dengan perundangan yang berkuat kuasa iaitu Akta 522 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Justeru, pihak KPB sentiasa memantau aktiviti penjualan beras menggunakan platform dalam talian dengan kerjasama penyedia platform e-dagang berkenaan bagi membendung aktiviti berkenaan terus berleluasa.

"KPB juga ingin mengingatkan peniaga bahawa penjualan secara dalam talian barangan kawalan padi dan beras perlu mematuhi mana-mana perundangan yang sedang berkuat kuasa.

"Sekiranya didapati bersalah, pihak terlibat boleh didenda sehingga RM25,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," tambah kenyataan itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

94 iklan jual beras seludup, tanpa lesen dalam talian diturunkan

Kuala Lumpur: Sebanyak 94 iklan berkaitan penjualan beras seludup dan tanpa lesen secara dalam talian diturunkan oleh penyedia platform e-dagang dalam tempoh 1 Oktober 2023 hingga 31 Mei lalu.

Ia selepas Kawalselia Padi dan Beras (KPB), seksyen di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mendapati penjualan makanan ruji itu secara dalam talian tidak mempunyai lesen runcit sah yang dikeluarkan KPB dan beras yang dijual diperoleh dari sum-

ber tidak sah.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan padi dan beras adalah barang kawalan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan peraturan di bawahnya.

"Sebarang urusan melibat-kan barang kawalan di peringkat kilang, borong dan runcit, ter-masuk jualan secara dalam ta-lian memerlukan lesen yang di-keluarkan Ketua Pengarah KPB," menurut kenyataan itu.

KPKM menjelaskan, penju-ulan beras tanpa lesen barang kawalan adalah kesalahan me-ngikut Peraturan 3 Peratu-ran-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996.

"Beras yang dijual secara da-lam talian disyaki dibawa masuk ke dalam negara tanpa kelulusan kerajaan, kesalahan di bawah Pe-raturan 10(1)(a) Peraturan Pera-turan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Pe-runcit) 1996.

"Penjual barang kawalan be-

ras yang menggunakan platform e-dagang terikat dengan perun-dangan yang berkuat kuasa, iai-tu Akta 522 dan peraturan di bawahnya," katanya.

KPKM berkata, KPB dengan kerjasama penyedia platform e-dagang sentiasa memantau penjualan beras menggunakan platform dalam talian bagi mem-bendung aktiviti itu daripada te-rus berleluasa.

Jika sabit kesalahan, boleh di-denda sehingga RM25,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

94 iklan beras dalam online diturunkan

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menurunkan sejumlah 94 iklan berkaitan penjualan beras secara dalam talian melalui platform e-dagang bagi tempoh 1 Oktober 2023 hingga 31 Mei lepas.

KPKM dalam kenyataan berkata, semakin pihaknya melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) mendapati penjual beras secara dalam talian itu tidak mempunyai lesen runcit yang dikeluarkan oleh KPB dan beras dijual dipercayai diperoleh dari sumber tidak sah.

"Padi dan beras adalah barang kawalan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan peraturan-peraturan di bawahnya.

"Sebarang urusan niaga melibatkan barang kawalan di peringkat kilang, borong dan runcit termasuk jualan secara dalam talian memerlukan lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah KPB.

"Ketiadaan lesen barang kawalan beras adalah kesalahan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996.

Di samping itu, beras yang dijual kepada pengguna dalam talian disyaki adalah beras yang dibawa masuk ke dalam negara tanpa mendapat kelulusan kerajaan," katanya semalam.

Jelas KPKM, perbuatan berkenaan merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan 10(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996.

"Penjual barang kawalan beras yang menggunakan platform e-dagang adalah terikat dengan perundangan yang berkuat kuasa iaitu Akta 522 dan peraturan-peraturan di bawahnya," ujarinya.

Pada masa sama, KPKM memaklumkan KPB sentiasa memantau aktiviti penjualan beras menggunakan platform berkenaan dengan kerjasama penyedia platform itu bagi membendung aktiviti berkenaan terus berleluasa.

"Sekiranya didapati kesalahan, pihak terlibat boleh didenda sehingga RM25,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," tambah kenyataan itu.



Beras Cap
Rambutan...
RM 21.90



Beras Cap
Rambutan...
RM 24.49



Jasmine
Super 5...
RM 22.50



5kg Bird Of
Paradise...
RM 35.90

Free shipping

★★★★★ (277)



Beras
Jasmine...
RM 44.99



Cap
Rambutan...
RM 32.99



100%
ORIGINAL...
RM 60.90



1kg Jasmine
Sunwhite A...
RM 5.89

TANGKAP layar beberapa jenis beras yang dijual dalam platform e-dagang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2024	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1

Harian

Metro

RASAI BERITA SEBENAR

EKSKLUSIF

HM

JUAL BERAS DI LAMAN E-DAGANG

'SUPER SIAM' AUTA

Ada pihak dikesan menggunakan platform e-dagang untuk menjual beras dengan mendakwa ia adalah beras import Siam dengan harga runtuh tanpa diketahui status sebenar makanan ruji itu. Malah, semakan Kawalsella Padi dan Beras (KPR) turut mengesahkan peniaga berkenaan tidak mempunyai lesen runcit dikeluarkan pihaknya manakala beras yang dijual dipercayai diperolehi dari sumber tidak sah.

lapor Mohd Jamilul Anbia Md Denin

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2024	HARIAN METRO	LOKAL	2

JUAL BERAS SELUDUP DI LAMAN E-DAGANG

94 IKLAN TIADA LESEN RUNCIT



Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Putrajaya

Kaut keuntungan mudah melalui kaedah menjual beras seludup dan tanpa lesen di platform e-dagang terkenal.

Taktik itu bagaimanapun terbongkar apabila sebanyak 94 iklan berkaitan penjualan beras secara dalam talian sudah diturunkan oleh penyedia platform e-dagang sejak 1 Oktober tahun lalu hingga 31 Mei lalu.

Semakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) mendapati penjual beras secara dalam talian itu tidak mempunyai lesen runcit yang dikeluarkan oleh KPB dan beras yang dijual dipercayai di-



peroleh dari sumber tidak sah.

KPKM dalam kenyataannya semalam memaklumkan, padi dan beras adalah barang kawalan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan peraturan-peraturan di bawahnya.

"Sebarang urusan niaga membabitkan barang kawalan di peringkat kilang, borong dan runcit termasuk jualan secara dalam talian memerlukan lesen dikeluarkan oleh Ketua Pengarah



Kawalselia Padi dan Beras.

"Ketiadaan lesen barang kawalan beras adalah kesalahan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996," katanya.

Tambahnya, di samping itu, beras yang dijual kepada pengguna dalam talian disyaki adalah beras yang dibawa masuk ke dalam negara tanpa menda-

pat kelulusan Kerajaan.

"Perbuatan ini adalah satu kesalahan mengikut Peraturan 10(1)(a) Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996.

"Penjual barang

kawalan beras yang menggunakan platform e-dagang adalah terikat dengan perundangan yang berkuatkuasa iaitu Akta 522 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

"Justeru, pihak KPB sentiasa memantau aktiviti penjualan beras mengguna-

platform dalam talian dengan kerjasama penyedia platform e-dagang berkenaan bagi membendung aktiviti berkenaan terus berleluasa," katanya.

KPB juga ingin mengingatkan kepada peniaga bahawa penjualan secara dalam talian barangan kawalan padi dan beras perlu mematuhi mana-mana perundangan yang sedang ber-

RM25K

jumlah denda maksimum dikenakan jika didapati bersalah

kuatkuasa.

"Sekiranya didapati bersalah, pihak terbabit boleh didenda sehingga RM25,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya.



ANTARA iklan penjualan beras Siam tanpa jenama di laman e-dagang yang menimbulkan tanda tanya pengguna.

Kuala Lumpur: Aktif menjual beras putih tanpa jenama pada harga 'runtuh' di laman e-dagang dengan mendakwa ia adalah beras import Siam.

Itu antara taktik sindiket yang mampu meraih pendapatan lumayan susulan kenaikan harga semasa beras di pasaran selain kesukaran pengguna mendapatkan beras tempatan ketika ini.

Berdasarkan pemerhatian wartawan, terdapat pelbagai iklan jualan beras tanpa jenama berlegar di

Harga 'runtuh' dakwa kononnya beras import Siam

media sosial dan laman jual beli dalam talian.

Rata-rata beras didakwa sebagai beras Thailand ini ditawarkan pada harga semurah RM4 sekilogram.

Tinjauan turut mendapati beras tanpa jenama ini dikesan dijual di laman e-dagang dengan menggunakan pelbagai nama samaran antaranya beras putih Siam, beras putih

super Siam atau beras wangi super Siam.

Tiada nama syarikat beras diletakkan pada iklan jualan di laman e-dagang itu sebaliknya 'penjual' hanya mendakwa beroperasi di Perak, Kedah dan Kelantan.

Ini sekali gus menimbulkan rasa curiga terhadap 'identiti' beras berkenaan sama ada ia adalah

beras import ataupun tempatan.

Selain itu, tiada nombor telefon untuk dihubungi pelanggan, sekali gus memungkinkan penipuan berlaku termasuk mencampurkan beras tempatan bersama beras import yang memiliki kualiti rendah.

Pengguna, Azlan Mat Hassan, 40, berkata, pen-

jualan beras tanpa diketahui 'asal usul' pengilang memungkinkan penipuan mencampurkan beras gred rendah bersama beras import.

Menurutnya, pelanggan biasa sepertinya sukar untuk membezakan antara beras tempatan gred tinggi dan beras Siam.

"Beras tempatan dijual pada harga RM26 untuk beg 10 kilogram (kg) hampir mustahil ditemui kini. Akibatnya pengguna berusaha mencari alternatif lain termasuk membeli be-

ras di laman sosial.

"Malah, ramai yang tertarik dengan iklan di media sosial berikutan harga beras putih import kini tidak jauh bezanya dengan harga beras tempatan.

"Sebaiknya beli beras yang mempunyai jenama dikenali di pasaran bagi mengelak ditipu baik dari segi kuantiti, kandungan gred dan jenis beras itu sendiri. Agak menyedihkan apabila beras didakwa gred tinggi ini dicampur dengan beras hancur," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

94 iklan jual beras dalam talian diturunkan, disyaki beras seludup

PUTRAJAYA: Sebanyak 94 iklan berkaitan penjualan beras secara dalam talian diturunkan oleh penyedia platform e-dagang bagi tempoh 1 Oktober 2023 hingga 31 Mei lalu.

Semakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Kawalselia Padi dan Beras (KWPB) mendapati, penjual beras secara dalam talian tersebut tidak mempunyai lesen runcit yang dikeluarkan oleh pihaknya dan beras yang dijual dipercayai diperolehi daripada sumber tidak sah.

Menurut KPKM, padi dan beras adalah barang kawalan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan peraturan-peraturan di bawahnya.

"Sebarang urusan niaga melibatkan barang kawalan di peringkat kilang, borong dan runcit

termasuk jualan secara dalam talian memerlukan lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras.

"Ketidadaan lesen barang kawalan beras adalah kesalahan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996," katanya dalam kenyataan semalam.

KPKM berkata, beras yang dijual kepada pengguna dalam talian disyaki adalah beras yang dibawa masuk ke dalam negara tanpa mendapat kelulusan kerajaan.

Tegasnya, ia merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan 10(1)(a) Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996.

"Penjual barang kawalan beras yang menggunakan platform

e-dagang adalah terikat dengan perundangan yang berkuat kuasa iaitu Akta 522 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

"Justeru, pihak KPB sentiasa memantau aktiviti penjualan beras menggunakan platform dalam talian dengan kerjasama penyedia platform e-dagang berkenaan bagi membendung aktiviti berkenaan terus berleluasa," katanya.

KPB juga ingin mengingatkan kan kepada peniaga bahawa penjualan secara dalam talian barangan kawalan padi dan beras perlu mematuhi mana-mana perundangan yang sedang berkuat kuasa.

Sekiranya didapati bersalah, pihak terlibat boleh didenda sehingga RM25,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

764 usahawan tani peroleh pendapatan RM5,000 sebulan

SEREMBAN: Sebanyak 41 peratus atau 764 orang usahawan tani berjaya meningkatkan pendapatan mereka antara RM2,000 hingga RM5,000 sebulan melalui bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali berkata, bantuan itu sekali gus memperkasakan golongan belia dalam sektor agromakanan.

"Bagi penerima GAM bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 sehingga suku pertamanya tahun ini, 41 peratus (764 orang) usahawan berjaya meningkatkan jualan pendapatan RM2,000 hingga RM5,000 sebulan.

"Seramai 71 usahawan telah berjaya mengembangkan

perniagaan daripada pasaran setempat ke pasaran nasional, iaitu pemasaran produk ke sekurang-kurangnya tiga buah negeri," katanya kepada Penu-berita selepas Majlis Penutup Program Pemadanan Belia Tani bersama Industri Subsektor Agromakanan Jabatan Pertanian di sini semalam.

Lokman Hakim berkata, dari tahun 2016 hingga Jun tahun ini, Kementerian itu telah menyalurkan geran berjumlah RM174.16 juta kepada seramai 9,529 penerima di bawah bantuan GAM di seluruh negara.

"Bantuan di bawah geran berkenaan merangkumi barangan seperti input dan peralatan pertanian serta infrastruktur ladang dengan nilai RM20,000 setiap penerima. Ia meliputi pengeluaran tanaman, perikanan dan ternakan," katanya.

Pesawah daerah Kerian gelisah sawah kering

Oleh WAT KAMAL ABAS
utusannews@mediamalaysia.com.my

BAGAN SERAI: Pesawah Daerah Kerian di sini tertekan berikutan bekalan air tidak dapat disalurkan ke sawah apabila paras Empangan Tasik Bujit Merah menyusut disebabkan musim panas.

Pesawah di Parit Simpang Empat Alor Pongsu, Norhafizah Mohamad, 40, berkata, tanaman padi yang baru berusia lapan hari mungkin musnah jika air tidak dialirkan dalam petak sawah.

Menurutnya, bekalan pengaliran sudah dihentikan sejak 28 Jun dan dia hanya mendapat maklumat tersebut selepas tiga hari menanam padi. Menyebabkan dia tidak sempat untuk

membuat empangan air di parit di sawahnya.

"Air di parit ladang di kawasan Kampung Parit Simpang Empat menyusut hingga menampakkan dasarnya manakala paip paip kini terpaksa menggali petak air tidak dapat mengalirkan air dalam petak sawah," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, berikutan itu dia berharap agar ada bantuan pihak kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

Menurutnya, pesawah mengeluarkan modal yang banyak untuk menanam padi musim baharu dan sekiranya keadaan ini berlarutan, kemungkinan besar tanaman padi akan rosak. Sementara itu, Ketua Unit Peladang Parit Haji Ali di sini, Muslan Napiah, 47, berkata, ke-

hanyakan pesawah di kawasan ini tertekan berikutan air tidak dapat dialirkan ke sawah.

Katanya, jika keadaan berlarutan, pesawah akan mengalaminya kerugian.

Kami terpaksa mengeluarkan modal dua kali ganda kerana masalah pengaliran ini kos bertamabah untuk racun apabila pesawah terpaksa menyembur racun dua kali bagi memastikan rumput samudra tidak tumbuh dalam petak sawah selain serangan tikus," katanya.

Menurut Muslan, keluasan sawah di Kampung Parit Haji Ali lebih 200 ekar dan sekiranya krisis air berterusan, ini akan memberi impak yang besar kepada semua pesawah.


Katanya, keadaan itu bukan hanya menyebabkan pesawah

terpaksa mengeluarkan modal yang lebih tetapi juga hasil pengeluaran padi juga akan terjejas.

"Agenst yang berkaitan sendiri turun padang melihat sendiri keadaan sawah di seluruh kawasan Bagan Serai bagi mengambill langkah yang bersesuaian bagi membantu kami," katanya.

Sebelum ini, Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Kerian dalam satu kenyataan me-maklumkan pihaknya terpaksa menghentikan pengaliran bekalan air pengaliran ekor-an bacaan paras air di tasik itu me-lipasi bacaan Prosedur Operasi Standard (SOP) iaitu di bawah 6.09 meter (20 kaki).

Bekalan pengaliran dihenti-kan sepenuhnya kepada semua kompamen sawah padi bermula 28 Jun yang lalu.



NORHAFAZAH Mohamad menunjukkan keadaan sawahnya yang kering di Parit Simpang Empat Alor Pongsu di Bagan Serai. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	36



WAN Rania Amanda Wan Mohd. Faizal bersama kambing ternakan bapanya di Kampung Baruh Tok Jiring, Kuala Nerus, semalam. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY ROSLI

'Gelagat kambing, lembu hiburan saya'

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA NERUS: Seorang kanak-kanak perempuan gemar menghabiskan masa terluang pada waktu petang 'bermanja' dengan kambing dan lembu ternakan bapanya berbanding bermain gajet seperti kanak-kanak lain.

Wan Rania Amanda Wan Mohd. Faizal, 11, berkata, 'gelagat' kambing dan lembu di kandang ternakan bapanya itu sangat comel dan menghiburkannya selepas penat mengikuti sesi pembelajaran di waktu pagi.

Katanya, sepanjang cuti sekolah juga, dia menghabiskan waktu lapang untuk bermain dengan kambing betina kesayangannya seperti 'Rocky' dan 'Bobby' serta lembu iaitu 'Jate' dan 'Flora'.

"Saya rasa cukup seronok dan tenang dapat membelai haiwan-haiwan ternakan ini dan boleh merasai 'perasaan' seperti sedih dan gembira yang dialami.

"Saya banyak dapat ilmu

penternakan haiwan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar di YouTube seperti rawatan untuk sakit perut dan cara-cara penjagaan anak kambing dan lembu yang baru lahir," katanya ketika ditemui di kandang bapanya di Kampung Baruh Tok Jiring di sini, semalam.

Anak sulong daripada lima beradik itu tidak kekok memberi makan, bergurau-senda dan bermain kejar-kejar dengan haiwan-haiwan ternakan itu persis 'Mowgli' versi kanak-kanak perempuan.

Murid Tahun Lima Sekolah Kebangsaan (SK) Sultan Sulaiman 1 di sini itu juga semakin mahir dengan penjagaan anak kambing dan lembu serta ternakan yang bunting dan penyakit-penyakit haiwan lain.

Katanya, dia bercita-cita mahu menjadi seorang doktor veterinar apabila dewasa kelak dan berminat dengan subjek Sains serta Bahasa Inggeris kerana ia adalah mata pelajaran penting untuk mencapai impiannya itu.

Sementara itu, Wan Mohd. Faizal Wan Zulkefli, 37, berkata, dia dan isteri, Shaima Nadhirah M.Muslim, 32, berbangga dengan hobi anak mereka dan sentiasa menyokong cita-citanya untuk menjadi seorang doktor veterinar serta usahawan ternakan yang berjaya satu hari nanti.

"Kalau saya tak baya ke kandang setiap petang, dia merajuk kecuali ada alasan yang kukuh seperti berada di luar Terengganu atau tidak sihat.

"Dia terlalu sayangkan haiwan-haiwan ini malah di rumah pun dia ada bela hamster dan kambing kerdil 'Nigerian Dwarf' yang menjadi kesayangannya hingga tidak membenarkan saya untuk menjualnya," katanya.

Ketika ini, dia memiliki 350 ekor kambing dan lembu di tiga kandang berasingan miliknya dan berhasrat mahu memperbesar perusahaannya itu untuk menyahut seruan kerajaan melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera dalam bidang ternakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35



SEBUAH bot nelayan tempatan yang menggunakan kru warga asing ditahan Maritim Malaysia di perairan Kemaman di Terengganu. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

Bot guna kru warga asing ditahan

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

KEMAMAN: Padah menggunakan kru warga asing, sebuah bot nelayan yang dikendalikan empat nelayan warga Myanmar dan tekong tempatan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Ariffin Ghazali berkata, bot tersebut ditahan menerusi Op Iman kira-kira pukul 11.18 pagi di

kedudukan sekitar 20 batu nautika dari Kuala Kemaman.

“Ketika bot ronda Maritim Malaysia melakukan rondaan, didapati sebuah vesel tempatan sedang menangkap ikan berada dalam keadaan mencurigakan.

“Selepas pemeriksaan dibuat, kita dapati bot tersebut dikendalikan seorang tekong warga tempatan dan empat warga Myanmar yang mana kita syaki bot ini menggunakan kru asing tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia,” katanya ketika

dihubungi, semalam.

Ariffin berkata, pemeriksaan lanjut mendapati salah seorang warga Myanmar itu tiada permit lawatan kerja sementara daripada Jabatan Imigresen.

Menurutnya, kesemua nelayan berusia antara 34 tahun hingga 45 tahun itu ditahan untuk membantu siasatan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

“Kita turut merampas kira-kira 400 kilogram hasil tangkapan serta diesel yang dianggarkan berjumlah 2,000 liter,” katanya.

Sabah initiates measures to mitigate flood impact

KOTA KINABALU: The Sabah government is initiating short and long-term measures to mitigate the immediate impact and prevent further damage from the floods currently affecting the state, said Deputy Chief Minister Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan.

Jeffrey who is also state Agriculture, Fisheries and Food Industry minister, said short-term measures include rigorous routine maintenance of monsoon drains, including regular inspections, cleaning, and repairs to ensure the drainage system functions optimally and is capable of handling heavy rainfall.

He said cleaning and dredging of drains and rivers and removal of debris, sediment and obstructions to improve the flow of water have also been implemented to enhance their capacity to manage excess water and reduce the risk of overflow.

"The work is being conducted within the constraints of the allocated budget and available resources. But these measures are critical in the short term to alleviate the immediate effects of floods and to minimise the risk of similar incidents occurring in the near future," he said on Tuesday.

Jeffrey said the state government is also expediting flood mitigation projects as long-term measures for sustainable and comprehensive solutions, adding that flood mitigation projects are designed to provide robust infrastructure to manage floodwaters and protect vulnerable areas.

He said the state government

is also fast-tracking the implementation of the Integrated River Basin Project for Sungai Moyog, focusing on Package 4 and Package 2A, which are scheduled to start this year and will be completed by 2029.

"This project involves the construction of additional flood control structures, riverbank stabilisation and improvements to drainage systems. These enhancements are crucial to manage the flow of the river and reduce the risk of overflow during heavy rainfall."

He also said the state government's first priority is to ensure all affected individuals receive the assistance they require during this critical time, including food, clean water, clothing and medical care.

Jeffrey added that said in light of the severity of the situation, he is calling on the federal government to provide urgent assistance to Sabah, specifically monetary compensation to support those affected by the floods.

"Additionally, contributions of household items are needed to help families restore their homes and return to normalcy. We also require funds to cover the substantial clean-up costs incurred in the aftermath of the floods."

He said timely support from the federal government is crucial in ensuring communities can recover swiftly and effectively, while enabling efforts to provide the necessary resources and support to those who have been impacted. – Bernama